



" PEMILIHAN PASANGAN HIDUP PENENTU GENERASI CEMERLANG "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ
أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah subhanahu wataala dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan memperbanyakkan selawat serta salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **"PEMILIHAN PASANGAN HIDUP PENENTU GENERASI CEMERLANG"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam amat mengambil berat dalam soal memilih pasangan hidup kerana mereka bakal dipertanggungjawabkan untuk membentuk keluarga yang benar-benar beriman kepada Allah SWT. Keluarga yang beriman pula adalah menjadi asas kepada lahirnya generasi yang bakal mewarisi kecemerlangan umat manusia pada hari ini.



Asas dalam memilih pasangan hidup telah diperjelaskan dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

تُنكحُ المرأةُ لأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا
وَلِدِينِهَا، فَظَفَرُ بَدَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ.

"Seseorang wanita itu dikahwini kerana empat perkara, harta kekayaannya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka utamakanlah (dalam pemilihanmu itu) wanita yang kuat beragama, nescaya sejahteralah hidupmu".

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah difahami bahawa Islam telah memberikan beberapa panduan dan saranan dalam memilih pasangan hidup yang dapat menjamin kesejahteraan diri dan juga keluarga. Perkara paling penting yang disarankan ialah memilih pasangan yang sentiasa berpegang kepada ajaran agama serta berakhlak dengan akhlak yang mulia. Dalam sebuah hadis yang lain iaitu daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud:

"Apabila seseorang yang baik agama dan akhlaknya meminang anakmu, maka terimalah ia, jika kamu menolaknya, maka tunggulah saat berlakunya fitnah dan kerosakan yang besar".

(Riwayat at-Tirmidzi)

Rasulullah s.a.w telah menganjurkan kepada umatnya agar mendahulukan aspek agama dalam soal memilih pasangan hidup. Ini kerana agama memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk



institusi kekeluargaan dan seterusnya akan melahirkan generasi yang cemerlang jasmani dan rohaninya. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa harta kekayaan, keturunan yang baik dan kecantikan paras rupa merupakan perkara yang dapat memenuhi tuntutan naluri dan keinginan manusia, tetapi hakikatnya perkara-perkara ini belum tentu dapat menjamin kesejahteraan hidup di dunia, apatah lagi kehidupan di akhirat. Maka jelaslah bahawa agama merupakan perkara yang paling utama dalam memilih pasangan hidup.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Terdapat beberapa perkara lagi yang menjadi panduan dan saranan ketika memilih pasangan hidup, antaranya; kita disarankan agar memilih pasangan hidup yang tiada hubungan kekeluargaan atau daripada kalangan kaum kerabat yang jauh dan juga memilih pasangan yang mempunyai latar belakang keturunan yang ramai. Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :

"Kahwinilah perempuan-perempuan yang mempunyai ramai anak kerana sesungguhnya aku berbangga dengan umatku yang ramai".

(Riwayat Abu Daud dan Nasa'ie)

Sebenarnya Islam tidak pernah menghalang umatnya memilih pasangan hidup dari kalangan mereka yang dianggap muda, cantik dan menawan. Sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi s.a.w kepada Jabir bin Abdullah yang ingin mengahwini janda yang bermaksud;

"Alangkah baiknya jika kamu mengahwini anak dara yang boleh saling bergurau senda dengan lebih mesra".



Ini kerana fitrah manusia sememangnya suka kepada kecantikan dan harta benda. Bahkan tidak dinafikan juga bahawa harta benda merupakan antara keperluan masa kini yang dapat membantu setiap pasangan untuk mencapai kebahagiaan di dalam hidup. Tetapi haruslah diingat bahawa segala-galanya tidak akan memberikan sebarang makna sehinggalah aspek agama diberikan keutamaan. Demikianlah beberapa panduan dan saranan yang diberikan kepada umat Islam khususnya dalam memilih pasangan hidup.

Perkahwinan yang dibina di atas dasar agama akan dapat mengelakkan berlakunya kerosakan dalam institusi kekeluargaan. Dalam erti kata yang lain, ia akan dapat mengelakkan berlakunya masalah-masalah seperti perebutan harta pusaka, pertelingkahan anak dengan ibubapa, perceraian suami isteri dan lain-lain lagi. Keadaan seperti ini sudah pasti akan memberikan kesan negatif kepada cara hidup generasi yang bakal mewarisi kita pada masa yang akan datang.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Tujuan memilih pasangan hidup bukanlah sekadar hanya untuk memenuhi tuntutan naluri dan keinginan untuk berumah tangga sahaja, tetapi apa yang lebih penting ialah ianya amat berkait rapat dengan pembinaan generasi insan daripada zuriat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Oleh kerana itu, kesemua panduan dan saranan yang telah diberikan ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan keturunan yang dilahirkan nanti akan mendapat perlindungan dan penjagaan yang sempurna sehingga mereka mampu menjadi insan yang cemerlang jasmani dan rohaninya.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 1;



يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا
وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai, dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Oleh kerana ibubapa menjadi asas dalam menentukan nilai akhlak dan kecemerlangan anak-anak, maka sudah semestinya mereka perlu membuat persiapan yang secukupnya, demi untuk menunaikan tanggungjawab besar yang diamanahkan oleh Allah SWT ini. Antara persiapan yang diperlukan adalah ;

Pertama : Memperdalam ilmu-ilmu yang dapat memperkukuhkan keimanan kepada Allah SWT. Ilmu agama amat penting untuk dipelajari, dihayati dan diamalkan oleh setiap



insan. Ini kerana agama merupakan benteng yang paling kukuh dalam mengharungi cabaran kehidupan. Dengan pengetahuan agama juga, ibubapa akan dapat menerapkan nilai akhlak yang tinggi kepada anak-anak dan menjadikan mereka generasi yang cemerlang sahsiah dan keperibadiannya.

Kedua : Mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan keibubapaan. Kita mestilah menyedari bahawa tugas dan tanggungjawab ibubapa dalam membesarkan anak-anak merupakan cabaran yang sangat berat; yang akan menentukan baik atau buruknya masa depan mereka. Justeru, sebelum menyahut cabaran memikul amanah Allah SWT ini, setiap pasangan suami isteri seharusnya telah mempersiapkan diri mereka dengan ilmu pendidikan anak-anak. Ilmu-ilmu sebegini akan dapat membantu dalam memastikan anak-anak yang dilahirkan menjadi insan yang benar-benar cemerlang.

Ketiga : Pasangan suami isteri juga perlu peka dan mengambil berat mengenai perkembangan dunia masa kini sama ada melalui pembacaan, pengamatan dan lain-lain lagi. Kepekaan terhadap perkembangan sains dan teknologi yang semakin canggih pada hari ini akan membolehkan mereka melakukan pengawalan terhadap anak-anak dengan cara yang lebih berkesan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 46;



صَلِّ
الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَالْبَقِيَّةُ الصَّالِحَةُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ
ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

"Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sebagai mengakhiri khutbah jumaat pada hari ini, dapatlah disimpulkan bahawa pemilihan pasangan hidup merupakan satu perkara yang amat penting kerana ia amat mempengaruhi pembentukan generasi insan yang cemerlang. Justeru, pemilihan pasangan ini haruslah berpandukan kepada saranan-saranan agama sebagaimana yang berikut;

1. Memilih pasangan hidup yang benar-benar beriman dan baik akhlaknya.
2. Memilih pasangan hidup yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang dekat.
3. Memilih pasangan dari keturunan yang baik-baik dan berketurunan ramai.



4. Bahkan bagi mereka yang ingin berpoligami juga hendaklah memilih pasangan hidupnya sepertimana saranan-saranan yang telah disebutkan.

Mudah-mudahan dengan pemilihan pasangan hidup yang betul dan memenuhi ciri-ciri yang disarankan oleh Islam akan memberikan kebahagiaan dalam hidup, dan seterusnya dapat pula melahirkan generasi anak-anak cemerlang yang dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ
عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

"Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar".

(Al-Anfal : 28)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ،
وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ
وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنْ اَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَاَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ اَجْمَعِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبٌ
الدَّعْوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا
نَسْأَلُكَ اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ
الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ
صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا
نَسْأَلُكَ الْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, Tuhan yang mempunyai kekuasaan dan kebesaran. Tuhan penganugerahan keselamatan dan kesejahteraan. Kami mohon ke hadiratMu, cucurilah rahmat ke atas arwah-arwah perwira-perwira negara yang syahid di medan pertempuran di Lahad Datu, Sabah. Semadikanlah roh-roh mereka bersama para syuhada' dan solihin. Demikian jua kepada yang tercedera, dapat dipulihkan segera kesihatan mereka. Kurniakan kepada keluarga mereka kesabaran atas bencana yang menimpa dan keredhaan hati menerima qada' dan ketentuan daripadaMu.



Ya Allah, selamatkanlah perwira-perwira kami yang masih bertugas di sana. Dengan kekuasaanMu jua, dapat kiranya ditamatkan segala pertempuran dan pertumpahan darah.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.